

16/01/1998

IDEC tidak dapat sambutan

SERDANG, Khamis - Pusat Rekabentuk Eksport Antarabangsa (IDEC) di sini yang menyediakan ruang niaga bagi menggalakkan Kempen Beli dan Cintai Barangan Buatan Malaysia, tidak mendapat sambutan walaupun sudah tiga minggu dibuka.

IDEC yang dibuka dari 10 pagi hingga 10 malam juga seolah-olah 'mati' walaupun ada 60 syarikat yang menyertai pameran itu. Mereka hanya meletakkan produk saja tanpa jurujual atau petugas untuk melayan pengunjung.

Tinjauan Berita Harian hari ini mendapati kebanyakan pengunjung IDEC adalah ahli perniagaan yang mempunyai kepentingan eksport terhadap barangan yang dipamerkan.

Bagaimanapun, kebanyakan mereka terpaksa pulang apabila tidak mendapat maklumat mengenai produk yang dipamerkan kerana tiada petugas atau jurujual di situ.

Seorang juruteknik yang berkhidmat dengan Data Scream Sdn Bhd, Ahmad Salihin, berkata sejak dilancarkan, pameran IDEC tidak mendapat sambutan daripada orang ramai.

"Pada hari biasa hampir tiada langsung pengunjung, manakala pada hari cuti jumlah pengunjung kurang daripada 30 orang," katanya.

Pengurus Yusuka Marble Sdn Bhd, Tunku Yusoff Tunku Khalid, pula berkata langkah mengadakan IDEC sangat baik untuk mempromosikan barangan keluaran tempatan, terutama untuk usahawan Bumiputera.

"Bagaimanapun, promosi IDEC yang kurang agresif bukan saja menyebabkan orang ramai tidak tahu mengenai pameran itu bahkan tidak menghargai barangan keluaran tempatan," katanya.

IDEC dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerusi Kempen Beli dan Cintai Barangan Buatan Malaysia di tingkat 2, The Mines, 2 Januari lalu.

Pusat seluas 200,000 kaki persegi itu menyediakan ruang niaga dan pejabat untuk kegunaan syarikat tempatan, yang mahu mengeksport produk mereka ke luar negara secara percuma selama tiga bulan sehingga 31 Mac depan.

(END)